

**Biografi Tokoh Graduan Fakulti Pengurusan Maklumat Tahun
1976-1979: Puan Hasnah Haji Taha**

Fazleen Amira Rosdi
Nur Nadia Jamaludin
Jafalizan Md. Jali

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

ABSTRAK

Artikel ini berasaskan sumber daripada kajian penulis terhadap tokoh sejarah lisan yang telah dijalankan bersama Puan Hasnah Binti Taha. Beliau merupakan tokoh graduan Fakulti Pengurusan Maklumat pada tahun 1976-1979. Artikel ini menyingkap tentang pengalaman beliau semasa mengikuti pengajian sebagai seorang pelajar Sains Perpustakaan di ITM dimana ia merupakan satu-satunya institusi pengajian tinggi di Malaysia. Selain itu, artikel ini merangkumi kisah latar belakang kehidupannya seperti latar belakang pendidikan sekolah rendah dan menengah sehingga ke tingkatan enam untuk Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Artikel ini juga menceritakan tentang perkembangan beliau di dalam kerjayanya sebagai seorang Pustakawan di Perpustakaan Awam Kedah. Beliau sangat berpengalaman di dalam bidang Sains Perpustakaan kerana telah berkhidmat dan berbakti untuk Perbadanan Perpustakaan Awam di Kedah selama tiga puluh lapan tahun. Pengalaman dan sumbangan terhadap kerjaya beliau amatlah berharga dan berharap bagi membantu semua orang supaya lebih mengenali bidang Sains Perpustakaan pada masa akan datang kerana sumber lisan ini adalah rujukan primer. Oleh itu, maklumat ini telah didokumentasikan menggunakan teknik sejarah lisan.

Kata Kunci: *Hasnah Binti Taha, Perpustakaan Awam Kedah, Sains Perpustakaan, Pustakawan, Fakulti Pengurusan Maklumat.*

ABSTRACT

This article was based on the author's research about the extraordinary person which was conducted with Mrs. Hasnah Binti Taha. Mrs. Hasnah Binti Taha was an alumni student of the Faculty Information Management in 1976-1979. This article explains about her experience as a Library Science course student at ITM, in one of the first courses offered at the tertiary level in Malaysia. Beside, this article covers the story of the background of her life which is background of her early studies in primary and secondary school until form six of Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). This article also tells the story of her career as Librarian at the Public Library in Kedah. She has been knowledgeable in Library Science who carry out her duties and dedicated to the Public Library in Kedah for thirty-eight years. Her experiences and contribution in the profession are valuable and could give benefit to the public for those directly to get acknowledgement of Library Science in the future because this oral history may serve as a primary resource. Therefore, this information needs to be documented through oral history techniques.

Keyword: *Hasnah Binti Taha, Public Library, Library Science, Librarian, Faculty Information Management.*

PENGENALAN

Menurut Zawiyah (2010), kerjaya sebagai profesional maklumat berperanan untuk menyediakan dan menyebarkan maklumat kepada seluruh anggota masyarakat sebagai salah satu tugas yang penting. Demikian ini, pihak kerajaan telah mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC) di Malaysia yang telah bersepakat untuk menjadikan tugas profesional maklumat lebih mencabar apabila mereka memerlukan kemahiran dalam ilmu pengetahuan yang serba canggih untuk memberikan maklumat dan idea yang bernas yang betul kepada pengguna di luar sana. Disebabkan itu, professional maklumat berpandukan kepada satu tugas hakiki sahaja seperti perolehan bahan, pengkatalogan dan pengkelasan bahan tapi kepada keseluruhan perpustakaan seperti pengurusan, pentadbiran dan penyebaran maklumat elektronik secara global.

Mohd Ismail (2014) turut melontarkan pandangan berkaitan teknologi untuk kemahiran dalam menggunakan maklumat amat penting untuk membantu para pengguna terutama para pelajar supaya lebih mudah mengakses bahan dengan cepat dan tepat. Oleh itu, mereka memerlukan panduan atau bimbingan profesional maklumat dan pustakawan di perpustakaan akademik yang mahir dalam teknologi supaya boleh membantu mereka yang memerlukan kemahiran teknologi. Dalam berdepan dunia globalisasi ini, perlunya tampuk penyelesaian bagi isu-isu yang membelenggu bidang pengurusan maklumat seperti peranan profesional maklumat yang penting untuk memberi gambaran dan pengetahuan mengenai teknologi maklumat. Salah satu cabaran yang perlu dihadapi ialah perubahan yang sangat pesat dari segi teknologi maklumat professional maklumat.

Menurut Rohani et al., (2015) maklumat juga boleh disimpan, direkod, diproses, menghantar dan mendapatkan kembali melalui teknologi maklumat yang membantu seseorang itu melakukan kerja dengan lebih cekap dan pantas. Masyarakat juga telah sedia maklum akan kepenggunaan teknologi maklumat (IT) telah berkembang dengan meluas dan pesat lantaran menjadi sebahagian daripada rutin harian kehidupan. Hal ini kerana, ia telah membantu banyak pihak dan memberi kesedaran betapa pentingnya teknologi maklumat dalam kalangan ahli akademik dalam pencarian maklumat atau sebagainya di perpustakaan akademik atau institusi pengajian tinggi.

Akhir sekali, sumber maklumat dalam teknologi maklumat juga boleh digunakan kerana pentingnya untuk seseorang itu mempelajari, memahami dan mempraktikkan maklumat yang sedia ada untuk meningkatkan kemahiran seseorang melalui cara yang berkesan. Oleh kerana itu, penulisan artikel berunsurkan ilmiah ini telah digarap bagi menganalisa situasi tersebut melalui penceritaan lisan daripada Puan Hasnah yang pernah menghadapi peritnya cabaran sebagai seorang Pustakawan di PPAK.

PEMASALAHAN KAJIAN

Berkisarkan kepada kajian literatur yang pernah dihasilkan oleh pengkaji sebelumnya, terdapat satu kajian yang bertunjangkan kepada graduan UTHM bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang latar

demografi, keboleherjaan dan persepsi graduan lulusan UTHM bagi mengukur tahap keberkesanan program pengajian yang dilaksanakan di universiti ini (Pusat Kemajuan Dan Hubungan Alumni (Care) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia). Kajian ini hanya memfokuskan tentang aspek utama seperti profil demografi graduan, profil professional graduan, perkembangan kerjaya graduan serta persepsi graduan terhadap keberkesanan program pengajian yang telah mereka ikuti.

Selain itu, Universiti Putra Malaysia juga turut menceritakan sumbangan graduan dengan memperkayakan dunia dengan penyelidikan, pengajaran serta pembelajaran yang cemerlang yang mencatat jumlah graduan Ph.D tertinggi di Negara Malaysia. Sebagai alumni Universiti Putra Malaysia, graduan haruslah sentiasa berhubung dan memberi sokongan kepada setiap usaha universiti.

Di samping itu, hanya terdapat satu kajian mengenai graduan UKM yang menyambung pengajian dalam bidang Sains Perpustakaan yang ditulis oleh Akmal Ahmat pada tahun 2016. Kajian ini dijalankan berdasarkan tentang kerjaya Encik Ali yang telah menjadi Ketua Pustakawan di Universiti Sains Malaysia ketika itu. Sehubungan itu, pengkaji juga telah menceritakan tentang perihal peribadi diri dan juga keluarga Encik Ali yang merupakan seorang pustakawan serta graduan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pengkaji bersetuju untuk melaksanakan kajian ketokohan bekas pelajar FPM dalam bidang Sains Perpustakaan yang bertitik tolak daripada ketiadaan satu pun kajian seumpamanya yang dijalankan tentang alumni di Universiti Teknologi Mara (UiTM) secara lebih mendalam tentang sumbangan serta pengalaman mereka dalam bidang pustakawan atau sebaliknya. Oleh sebab itu, kajian ini dilakukan kerana untuk mengetahui apakah sebenarnya sumbangan dan pengalaman mereka dalam alumni Fakulti Pengurusan Maklumat. Maka, kami telah menemubual seorang alumni Fakulti Pengurusan Maklumat dalam bidang Kajian Sains Perpustakaan pada tahun 1976 sehingga 1979 iaitu Hasnah Haji Taha. Beliau telah banyak memberi sumbangan dalam bidang perpustakaan di negeri beliau sendiri iaitu Kedah.

OBJEKTIF KAJIAN

Berikut adalah objektif Pengkaji dalam mengenalpasti ketokohan Hasnah Haji Tahar dengan lebih mendalam serta sumbangan beliau dalam Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat.

- a) Mengkaji sumbangan tokoh dalam bidang pengurusan perpustakaan dari tahun 1976 – 1979 di ITM.
- b) Mengkaji pengalaman Puan Hasnah belajar di Fakulti Pengurusan Maklumat pada tahun 1976 – 1979.

PERSOALAN KAJIAN

Berbagai-bagai persoalan yang akan timbul berkaitan dengan kajian alumni yang tidak pernah dijalankan bagi Fakulti Pengurusan Maklumat. Berikut adalah di antara persoalan kajian yang telah dikemukakan:

- a) Apakah yang dipelajari oleh Puan Hasnah tentang kursus Kajian Sains Perpustakaan ketika Puan menjadi pelajar?
- b) Apakah pengalaman serta kejayaan Puan Hasnah di dalam bidang Kajian Sains Perpustakaan sepanjang menjadi pelajar di Institusi Teknologi Mara pada tahun 1976 – 1979 ketika itu?

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian Sains Perpustakaan atau dikenali juga sebagai Fakulti Pengurusan Maklumat menubuhkan pendidikan yang sesuai sebagai keperluan yang perlu dipenuhi oleh tenaga manusia di Malaysia dalam bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat untuk membentuk dan menyelenggarakan rancangan. Oleh itu, terdapat kajian yang dapat ialah, terdapat beberapa kepentingan serta sumbangan:

Pertama sekali, untuk mengetahui serta menambah ilmu pengetahuan berkaitan tentang latar belakang Alumni Sains Perpustakaan dalam Fakulti Pengurusan Maklumat yang juga merupakan seorang mantan pustakawan. Kajian mengenai latar belakang tokoh Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat adalah kajian yang pertama dilakukan. Hasil penulisan ini dilakukan kerana

ramai yang tidak tahu mengenai bidang Sains Perpustakaan ini dengan lebih meluas tambahan pula sumbangan tokoh alumni ini kepada kerjayanya juga perlu dihargai yang telah menabur bakti untuk berkhidmat sebagai Pustakawan di Perpustakaan Awam, Kedah.

Pada waktu yang sama, kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber bahan rujukan untuk mengetahui tentang kerjaya sebagai Pustakawan perlu dipandang tinggi oleh masyarakat. Dengan adanya penulisan ini, penyelidik-penyelidik boleh mendapatkan maklumat mengenai kerjaya Puan Hasnah Binti Taha sebagai Pustakawan di perpustakaan. Kajian seperti ini lebih memudahkan pengguna dan penyelidik untuk mengetahui bidang perpustakaan kerana Pustakawan merupakan sumber daya manusia yang memainkan peranan dalam mengelola perpustakaan. Penyelidik juga dapat mengetahui keperibadian Puan Hasnah Binti Taha dalam menangani masalah di perpustakaan. Oleh itu, penting untuk generasi kini mengetahui sejarah keperibadian beliau yang merupakan permata bersinar kerana membanggakan nama Fakulti Pengurusan Maklumat dalam bidang Sains Perpustakaan.

Seterusnya, kajian ini berperanan membawa dan memperkenalkan ilmu perpustakaan kepada semua masyarakat. Melalui orang yang di temubual mampu memberi pandangan tentang bidang tersebut yang boleh dijadikan contoh dan model kepada masyarakat melalui dokumentasi sejarah lisan ini. Nukilan ini akan menceritakan segala perihal mengenai latar belakang Puan Hasnah Binti Taha sehingga pandangan dan pendapat beliau mengenai Sains Perpustakaan yang penting untuk diketahui umum sehingga ke peringkat antarabangsa.

Di samping itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa tugas sebagai Pustakawan bukan hanya menyusun buku di perpustakaan sahaja. Malah, pelbagai tugas dan tanggungjawab yang perlu dilakukan supaya ramai yang akan datang membaca, meminjam dan mencari bahan-bahan rujukan di perpustakaan. Tambahan pula, Puan Hasnah Binti Taha turut berkongsi kisah bahawa tugas pustakawan ini perlu bertanggungjawab dalam memastikan semua bahan-bahan yang ada di susun kemas supaya mereka yang datang ke perpustakaan mudah untuk mencari bahan tersebut. Oleh itu, kajian ini memastikan setiap maklumat yang diperoleh melalui temubual bersama beliau

boleh membuka mata masyarakat bahawa kerjaya Pustakawan juga mampu membantu masyarakat di luar sana untuk berkongsi ilmu dengan pelbagai cara. Kerajaan dan organisasi Malaysia juga perlu berganding bahu dalam memupuk semangat membaca di kalangan masyarakat dengan mengadakan aktiviti dan program melalui kerjasama perpustakaan.

Akhir sekali, kajian ini membolehkan seseorang itu untuk memilih kerjaya ini sebagai pilihan utama di masa hadapan. Hal ini disebabkan pengalaman kerjaya Puan Hasnah Binti Taha yang bermula melalui bidang Sains Perpustakaan mampu mengubah masa depan seseorang untuk lebih yakin dengan kerjaya ini. Dengan adanya penulisan ini, penyelidik boleh menyelami keperibadian beliau yang telah berjasa dengan menyumbang kepakaran dalam kerjaya Pustakawan ini. Oleh itu, semua pihak tidak perlu memandang rendah dengan memilih pendapatan dan pangkat yang lebih tinggi semata-mata kerana semua kerjaya itu perlu dilakukan dengan seikhlas hati untuk memartabatkan ilmu pengetahuan ke arah yang lebih baik.

TINJAUAN LITERATUR

Sains Perpustakaan atau dikenali juga sebagai sains perpustakaan dan maklumat diberikan nama sebagai *Library Information Science (LIS)* berkaitan bidang perpustakaan, maklumat serta bidang akademik melalui bahan bacaan yang telah disediakan di perpustakaan. Melalui bidang ini, mereka boleh mendapatkan maklumat melalui sumber teknologi atau bahan-bahan seperti buku, risalah, surat khabar dan lain-lain yang terdapat di perpustakaan.

Tambahan pula, kerjaya sebagai seorang pustakawan tidak lari dari segala cabaran untuk meningkatkan kualiti kerja dan perkhidmatan ke arah yang lebih cemerlang dan tinggi. Hal ini disebabkan kerana teknologi merupakan persaingan yang sengit di kalangan manusia yang ingin mengambil alih tugas mereka dengan mudah di perpustakaan. Oleh itu, pihak perpustakaan telah mewujudkan satu cabaran dalam perkhidmatan seorang pustakawan berdasarkan aspek atau amalan terbaik iaitu Pengurusan Perhubungan Pelanggan (CRM). Menurut Wang (2012), pustakawan dengan lebih fokus dalam pelbagai aspek untuk mengikut segala citarasa majoriti yang

telah ditetapkan melalui pelan strategik dan sasaran bagi meningkatkan kadar penggunaan perkhidmatan di Perpustakaan.

Seterusnya, bidang Sains Perpustakaan sudah sedia maklum bahawa bidang ini penting kerana perlu mengurus, mengelola, dan mengatur semua bahan-bahan yang bercetak dan bukan bercetak di perpustakaan dan pusat sumber dengan pengurusan yang sistematik. Hal ini kerana ia boleh memudahkan seseorang individu atau pengguna untuk pencarian bahan maklumat dengan mengenal pasti pelbagai jenis bahan yang ada di perpustakaan atau membuat kajian untuk bahan tersebut. Jelashlah bahawa Sains Perpustakaan ini juga termasuk dalam bidang sastera dan kemanusiaan serta sastera dan seni reka. Malah, pengajian Islam, bahasa dan linguistik, kesusasteraan kebudayaan Melayu, sains sosial, pendidikan dan komunikasi juga termasuk dalam bidang yang sama.

Di samping itu, seorang penyelidik iaitu Smith (2012), telah berpendapat kerjaya Pustakawan ini boleh menyumbang kepada kelestarian kualiti perkhidmatan dengan kemahiran mereka dalam menggunakan teknologi untuk membantu mereka yang memerlukan perkhidmatan seorang Pustakawan. Menurut Sarimah (2015) pula, seorang Pustakawan itu perlu mengesyorkan diri kepada pelanggan, bertugas dengan mobiliti dan kemahiran teknologi yang lebih canggih dengan idea yang bernas. Melalui itu, semua pelanggan akan berpuas hati dengan prestasi kerja serta kemahiran oleh seorang Pustakawan untuk mengelakkan segala pandangan negatif mengenai tugas-tugas Pustakawan seperti di label sebagai penunggu kaunter dan tukang senyap.

Peranan perkhidmatan perpustakaan termasuk dalam rangkaian perkhidmatan sosial yang merupakan teras pembangunan untuk pencapaian pembangunan sosio ekonomi. Dalam pada itu, kajian ini juga telah ditubuhkan untuk menyelenggarakan dan membentuk satu rancangan pendidikan yang amat sesuai untuk memenuhi satu keperluan tenaga manusia di Malaysia di dalam bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat. Ia bermula pada Jun 1968 kajian ini menyediakan pelajar-pelajar untuk kursus luaran iaitu "*The Library Association Professional Examination*" di United Kingdom yang dikendalikan di

bawah Jabatan Sains Perpustakaan, Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang, ITM.

Pada 03 Julai 1972, dengan secara rasminya Kajian Sains Perpustakaan ditubuhkan dan tawaran kursus yang pertama ialah kursus *Diploma in Library Science*. Penubuhan kajian ini selari dengan perkembangan dalam pertubuhan dan perancangan perpustakaan serta berorientasikan keadaan Malaysia pada ketika itu. Oleh sebab itu, satu memorandum dihantar kepada Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 1974 bagi mengiktiraf *Diploma in Library Science* ITM yang setaraf dengan Sarjana Muda Kepujian daripada universiti yang telah diluluskan.

Hasnah Haji Taha merupakan seorang mantan pustakawan di Perpustakaan Perbadanan Awam di Kedah. Pada mulanya, cita-cita beliau ingin menjadi seorang cikgu akan tetapi tidak kesampaian. Setelah itu, beliau terus berubah untuk menjadi seorang pustakawan di mana beliau telah pun menjadi mantan pustakawan di Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (PPAK).

Selain itu, kajian ini adalah untuk mengkaji sumbangan dan pengalaman alumni Fakulti Pengurusan Maklumat, Hasnah Haji Taha yang telah berkhidmat sebagai seorang pustakawan di Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (PPAK) yang telah berkhidmat selama 36 tahun di dalam bidang pustakawan kerana kami mendapati bahawa tiada kajian yang dibuat untuk mengkaji tokoh khususnya Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat.

METODOLOGI

Prosedur yang kami gunakan dalam sejarah lisan ini adalah mengumpul maklumat dengan menemubual Puan Hasnah Binti Haji Taha yang mempunyai pengalaman dalam bidang pustakawan serta graduan FPM dan juga kenangan-kenangan yang beliau boleh berkongsi dengan kami untuk diterbitkan dalam satu thesis.

Sejarah lisan ialah satu kaedah di mana sejarah atau kenangan yang berlaku kepada seseorang tokoh yang dirakamkan secara temu ramah. Selain

itu, sejarah lisan juga adalah untuk memperoleh maklumat daripada tokoh secara secara temuramah yang kemudinya disalin dan ditaip. Selepas itu, salinan akan disemak terlebih dahulu sebelum diguna pakai sebagai bahan penyelidikan dan pengajaran.

Tambahan pula, kajian sejarah lisan ini boleh dikatakan pengalaman baharu dan menarik untuk seseorang individu yang menjalankan kajian tersebut kerana ia boleh melihat dari pelbagai aspek dan mengenali isi hati serta karakter oleh seorang manusia. Menurut Rozeman (2014), kajian sejarah lisan ini merupakan bidang yang sangat luas kerana pelbagai golongan yang ada perlu dititikberatkan seperti orang biasa, pemimpin masyarakat, gabenor, kabinet, menteri, orang korporat, penulis buku, pengarah dan sebagainya.

Terdapat beberapa kaedah pengumpulan data yang sering digunakan dalam penyelidikan iaitu temubual, kajian perpustakaan dan kajian maklumat di artikel lama sesawang. Menurut Mohd Majid (1998) kaedah yang paling berkesan perlu bergantung kepada objektif sesuatu penyelidikan untuk mengumpulkan data atau maklumat yang lebih banyak. Menurut pandangan beliau, objektif dan jenis penyelidikan perlu dikenal pasti terlebih dahulu sebelum penyelidik menjalankan temubual dengan seseorang itu. Jika penyelidik gagal untuk menggunakan kaedah pengumpulan data, maklumat yang terkumpul mungkin tidak mencapai piawaian dalam sesi temubual atau kesahihan maklumat itu tidak boleh digunakan. Empat kaedah penyelidikan boleh digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul data yang diperlukan iaitu sumber lisan, sumber bertulis, rakaman pita dan akhir sekali platform google meet.

Prosedur kami yang utama adalah melalui sumber lisan iaitu dengan kaedah menemubual Bersama tokoh Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat pada tahun 1976. Menurut Nadzan (2012) sumber lisan merupakan sesuatu keterangan sejarah yang diperolehi secara lisan iaitu dalam bentuk wawancara serta soal jawab dan akhir sekali dirakamkan ke dalam pita rakaman.

Seterusnya, sumber bertulis juga penting dalam membuat sejarah lisan. Justeru, sumber bertulis ini dikenali sebagai sumber sejarah yang terdiri

daripada rekod-rekod bertulis tentang sesuatu peristiwa sejarah seperti jurnal dan manuskrip. Terdapat beberapa perbezaan pada sumber lisan dan bertulis di mana kitab oleh melihat dari pelbagai perspektif kategori sumber dan objektiviti tentang sumber tersebut.

Tambahan pula, prosedur dalam proses pengumpulan data juga boleh menggunakan rakaman pita untuk mendapatkan maklumat dalam sejarah lisan ini. Ini kerana untuk merekodkan temu bual yang akan dijalankan bersama-sama tokoh. Oleh itu, rakaman pita ini juga akan menjadi salah satu bukti kukuh yang akan merekodkan kesemua maklumat yang telah dikongsikan oleh tokoh tersebut. Rakaman pita ini digunakan seperti rakaman pita suara dan juga menggunakan telefon bimbit untuk merakam.

Akhir sekali, temu bual bersama tokoh akan dijalankan menggunakan platform 'Google Meet'. Kami menggunakan kaedah ini kerana ini adalah platform yang paling sesuai buat masa ini. Oleh kerana kami tidak dapat mengunjung ke rumah beliau kerana musim pandemic yang menyebabkan kami semua tidak dapat berinteraksi secara face to face.

HASIL KAJIAN

Latar Belakang Tokoh



Gambar 1: Hasnah Haji Taha

Puan Hasnah Binti Taha merupakan anak kelahiran Kodiang, Kedah. Beliau dilahirkan pada tanggal 26 Februari 1956 bersamaan Hari Jumaat, 21 Jamadilawal 1442 dan kini menetap di Taman Berlian, Alor Setar, Kedah. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang serba sederhana, kerana ayahnya Haji Tahar Bin Hassan bekerja sebagai penoreh bendang dan ibunya pula hanya suri rumah tangga sahaja. Kedua-duanya telah meninggal dunia pada tahun 1987 dan 2013. Beliau merupakan anak ke enam dari tujuh orang adik-beradik yang terdiri daripada empat orang lelaki dan tiga orang perempuan.

Pada tahun 1986, beliau mendirikan rumah tangga bersama suaminya yang tersayang iaitu Rosli Bin Long yang merupakan seorang pesara PDRM. Hasil daripada perkahwinan tersebut, beliau dikurniakan tiga orang cahaya mata yang dikasihi bagai menantang minyak yang penuh. Ketiga-tiga mereka terdiri daripada dua orang perempuan dan seorang lelaki dan kesemuanya telah bekerja. Mereka juga telah mendirikan rumah tangga bersama dengan pasangan pilihan masing-masing. Hasil dari perkahwinan mereka, beliau mempunyai seramai tujuh orang cucu yang terdiri daripada enam orang lelaki dan seorang perempuan. Beliau seorang ibu yang penyayang dan seorang suri rumah tangga yang berjaya kerana mendidik anak-anaknya sehingga berjaya dan sering meluangkan masa bersama keluarga.

Latar Belakang Pendidikan

Pendidikan awal Puan Hasnah Binti Taha ialah di Sekolah Kebangsaan Tengku Bendahara, Kedah pada tahun 1963. Tamat sahaja sekolah rendah pada tahun 1969 hingga tahun 1971 beliau menyambung pendidikan ke sekolah menengah di Sekolah Menengah Tengku Bendahara, Kedah. Pada tahun 1972, beliau telah ditukarkan sekolah sewaktu beliau di tingkatan empat ke Sekolah Menengah Derma, Kangar, Perlis. Hal ini kerana beliau terus menyambung pelajaran ke peringkat enam atas pada tahun 1975 untuk mengambil Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Semasa zaman persekolahan, beliau sangat aktif dalam permainan bola jaring sehingga menjadi penjaring terbanyak. Pencapaian tertinggi beliau dalam sukan bola jaring ialah pada peringkat negeri di sekolah dan juga mewakili Perpustakaan Negeri, Kedah semasa Sukan Malaysia yang dijalankan dua tahun sekali.

Selepas tamat peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), pada tahun 1976 beliau melanjutkan pelajarannya di peringkat diploma dan mengambil jurusan Sains Perpustakaan di Institusi Teknologi MARA (ITM), Shah Alam selama tiga tahun. Beliau merupakan salah seorang graduan pertama yang memasuki Institut Teknologi MARA (ITM) setelah ia ditubuhkan. Beliau juga menyatakan bahawa dengan jurusan ini telah membawa beliau mengenali bidang perpustakaan dengan lebih mendalam.

Penglibatan Awal Kerjaya

Penglibatan Puan Hasnah dalam bidang perpustakaan mula tercetus selepas beliau menamatkan di peringkat enam atas Sijil Tinggi PeMalaysia (STPM). Pada mulanya beliau ingin menjadi seorang guru namun cita-cita itu dilupakan kerana beberapa tawaran beliau ditolak. Oleh sebab itu, beliau memulakan kerjaya Pustakawan ini disebabkan beberapa alasan. Faktor utama beliau menceburi bidang ini ialah kerana sekumpulan pelajar CSR yang datang ke kampung beliau dan menceritakan serba sedikit mengenai bidang Sains Perpustakaan. Dengan itu, beliau layak untuk memohon kerana penilaian bidang ini melalui gred 2 Prinsip dari STPM. Beliau juga percaya bahawa bidang ini mampu membawa beliau berjaya menjadi seorang Pustakawan di perpustakaan Kedah.

Selepas itu, beliau menamatkan sijil diploma pada tahun 1979. Beliau juga telah memulakan kerjaya sebagai Pustakawan di Perpustakaan Mardi (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia), Serdang untuk tempoh tiga bulan. MARDI merupakan perpustakaan khas atau dikenali sebagai '*special library*'. Pengalaman dan ilmu yang beliau perolehi digunakan dengan sebaik mungkin untuk kerjaya yang seterusnya.

Pengalaman Pustakawan di Perpustakaan Awam, Kedah

Kerjaya beliau telah didorong dan diterima baik oleh ibu bapa beliau untuk menjadi seorang Pustakawan. Beliau telah menerima dan tawaran sebagai Pustakawan di Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah pada 1 April tahun 1980 dan bersara pada 18 Februari 2016. Beliau telah menceburi bidang

perpustakaan selama 38 tahun untuk bekerja di Perpustakaan Awam, Kedah. Beliau memulakan kerjaya Pustakawan dengan menjadi seorang ketua di setiap bahagian perpustakaan.

Pada hari pertama beliau bekerja, beliau ditempatkan di bahagian kanak-kanak atau sekarang dikenali sebagai bahagian sirkulasi. Beliau juga menyatakan bahawa sewaktu itu penilaian gred beliau ialah Kumpulan B. Pada waktu itu, semua kerja beliau dilakukan secara manual kerana tidak mempunyai komputer atau aplikasi gajet. Beliau hanya menggunakan kertas yang diberikan untuk mencatat segala aktiviti dan laporan yang diusul oleh ketua beliau. Selepas itu, beliau dipindahkan ke setiap bahagian selepas beberapa bulan untuk merasai pengalaman bekerja dan menimba ilmu pengetahuan.

Oleh kerana itu, beliau mempunyai banyak pengalaman di dalam bahagian-bahagian seperti bahagian Katalog, bahagian Gerakan Literasi, bahagian Pengurusan dan Pembangunan, bahagian Rangkaian Perpustakaan dan bahagian Koleksi Kedah. Setiap bahagian mempunyai fungsi masing-masing. Pertama sekali, bahagian katalog menjalankan kerja-kerja pengkatalogan dan pengkelasan bahan-bahan perpustakaan. Bahagian Gerakan Literasi merancang dan menyelaras program dan aktiviti di perpustakaan.

Selepas itu, bahagian Pengurusan dan Pembangunan Koleksi (Perolehan) membuat pembelian buku, majalah dan bahan bukan buku mengikut jumlah yang telah ditetapkan serta mengurus kerja-kerja menghapuskan bahan perpustakaan. Seterusnya, bahagian Rangkaian Perpustakaan bertanggungjawab mengurus, memantau dan menyelia aktiviti dan program di perpustakaan cawangan dan desa di bawah kelolaan Perbadanan Perpustakaan

Awam, Kedah. Akhir sekali, bahagian Koleksi Kedah menjalankan projek Sejarah Lisan dan mengumpul maklumat berkaitan negeri Kedah seperti profil tokoh Kedah, Koleksi Tempatan dan lain-lain.

Pengalaman Setiap Bahagian dan Aktiviti di Perpustakaan



Gambar 2: Ketika PPAK mengadakan Program Literasi Maklumat Kembara Ilmu dengan para komuniti di Kedah

Beliau menceritakan pengalaman bekerja di semua bahagian yang sangat menggembirakan dan menyenangkan kerana semua pekerja sangat berwibawa dan bertanggungjawab. Beliau juga memberitahu bahawa bahagian yang paling disukai ialah bahagian Katalog kerana bahagian itu hanya perlu menyusun buku mengikut pengkelasan yang telah ditetapkan oleh perpustakaan seperti *Library Congress Classification (LLC)*, *Dewey Decimal Classification (DDC)*, *AACR* dan *subject heading*. Selain itu, beliau merupakan seorang ketua yang tidak mempunyai masalah bersama dengan pekerja bawahnya malah disenangi oleh mereka. Hal ini kerana, beliau seorang yang tegas dalam menegur kesalahan pekerja sewaktu di bilik mesyuarat kerana bagi beliau mereka merupakan sebahagian daripada keluarganya.

Seterusnya, beliau pernah menguruskan akaun pembelian buku, majalah, bahan buka buku dan lain-lain pengurusan supaya perpustakaan beliau dan cawangan dapat dinaik taraf agar orang ramai datang ke

perpustakaan. Hal ini kerana, setiap bahan yang masuk ke perpustakaan perlu dikira supaya tiada kes pencurian atau kehilangan buku sewaktu dibawa masuk ke perpustakaan. Jika ada, beliau terpaksa mengeluarkan duit dari bahagian kewangan untuk membeli atau mengganti buku yang hilang. Beliau menceritakan bahawa bahagian rangkaian adalah bahagian yang sukar kerana perlu mengadakan aktiviti perpustakaan bergerak ke seluruh Malaysia. Mereka perlu bergerak ke cawangan-cawangan dan melancong di seluruh negeri Kedah untuk menarik minat para pembaca.

Di samping itu, beliau pernah mengadakan misi kembara ilmunan yang melibatkan program di sekolah bersama dengan perpustakaan bergerak. Tambahan pula, beliau juga terlibat aktiviti 'Galakan Membaca' bersama jawatankuasa kemajuan dan keselamatan dan komuniti-komuniti setempat di Alor Setar untuk menaikkan semangat membaca di kalangan mereka. Melalui aktiviti itu, beliau mendapat sambutan yang meriah kerana penglibatan dari orang ramai sangat menggalakkan. Beliau mengadakan bengkel pencarian maklumat yang melibatkan bahagian rujukan di cawangan yang perlu melakukan pemotongan kertas, kuiz, pencarian maklumat dan lain-lain.

Akhir sekali, setiap bahagian yang beliau pernah bekerja, beliau tidak pernah membawa masalah kerja ke rumah kerana bagi beliau ia boleh mengganggu masa dan aktiviti bersama keluarga. Beliau gembira bekerja di Perpustakaan Awam itu kerana semua pekerja bersatu untuk menjayakan setiap aktiviti dan program yang dijalankan. Beliau menyatakan bahawa semua masalah harus diselesaikan dengan cara dan pemikiran yang rasional supaya pekerjaan yang dilakukan setiap hari berjalan dengan lancar. Tambahan pula, beliau menganggap mereka seperti keluarga kerana setiap kali hari raya atau mana-mana jamuan mereka akan berkumpul bersama untuk meluangkan masa bersama-sama. Malah, beliau juga pernah bercuti bersama seperti ke negeri Kedah sendiri, Kelantan dan Terengganu untuk mengeratkan lagi silaturrahim antara mereka.

Pencapaian

Pencapaian beliau ialah beliau pernah menerima Perpustakaan Awam, Kedah ialah beliau pernah mendapat anugerah Pingat Perkhidmatan

Cemerlang, Kedah (PCK) pada 26 Februari 2007 daripada Sultan Kedah di Pustaka, Istana Kedah. Pencapaian beliau ini boleh dibanggakan kerana beliau menerima undangan untuk mengambil anugerah ini ke istana Sultan Kedah sendiri. Beliau bersyukur dan berbangga kerana setiap apa yang beliau lakukan semuanya membuahkan hasil dan menaikkan nama Perpustakaan Awam di Kedah. Beliau juga berterima kasih kepada Ketua Perpustakaan itu sendiri dan jabatan yang memilih nama beliau kerana boleh melihat prestasi pekerjaan beliau sehingga di anugerahkan pingat itu.



Gambar 3: Hasnah Haji Taha menerima anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang, Kedah

KESIMPULAN

Kesimpulannya, Hasnah Haji Taha adalah di antara tokoh Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat dalam bidang Kajian Sains Perpustakaan pada tahun 1976-1979 yang mempunyai banyak pengalaman bertugas semasa di Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (PPAK). Beliau seorang yang sangat tekun dan berdedikasi tinggi terhadap pekerjaannya Malah, semasa bertugas di PPAK beliau telah banyak menguruskan bahagian seperti rangkaian, katalog, Koleksi Kedah, Pengurusan Dan Pembangunan, Gerakan Literasi dan juga

telah dilantik menjadi wakil pengurusan bagi MS ISO 9001: 2000 (PPAK). Bahagian terakhir yang beliau menguruskan sebelum beliau bersara adalah bahagian perolehan.

Selain itu, Hasnah Haji Taha juga pernah mendapat penganugerahan istimewa berupa Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PCK) pada 26 Februari 2007 oleh Sultan Kedah di Istana Kedah. Jelaslah bahawa, beliau adalah seorang yang rajin bekerja serta cemerlang dalam bidang kerjayanya. Ini kerana, beliau mengatakan bahawa apabila tiba masa untuk bekerja, beliau akan amanah untuk menjalankan tugas-tugas beliau serta disiplin. Seterusnya, Hasnah Haji Taha telah berkhidmat selama 36 tahun di Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (PPAK). Beliau menyukai kerja sebagai pustakawan kerana dapat memperoleh banyak ilmu tentang perpustakaan dan hanya bukan sekadar untuk duduk di kaunter depan sahaja tetapi beliau berkata pekerjaan sebagai pustakawan juga susah tetapi orang luar tidak nampak kerja mereka semua itu.

RUJUKAN

- Lin, S.H. (2020). Sejauh manakah sejarah lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah?.jabatan sejarah fakulti sastera dan sains sosial, universiti malaya.
- Mohd Ismail Abidin. (2014). Kerjaya Pustakawan: Antara Realiti dan Andaian? Menarik atau Bosan?...Suatu Persepsi. Diperoleh daripada: <http://khutubkhanahlibrary.blogspot.com/2014/09/kerjaya-pustakawan-antararealiti-dan.html>
- Mohd Kamal Mohd Napiah. (2017). Buletin Perpustakaan Jendela. Temubual Bersama Ketua Pustakawan. Diperoleh daripada: http://eprints.usm.my/38676/1/JENDELA_JILID_8_2016_v3.pdf
- Nadzan Haron, (1979) *Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia*. Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies, 09 . pp. 44-58.
- Rahimah, Abdul, Aziz. (2005). Ilmu sains sosial dan kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia: Perkembangan dan hala tuju (social sciences and humanities Universiti Kebangsaan Malaysia: Its direction and development). *Akademika*, 66(1).
- Rohani M.M Yusoff, Ahmad Shaharil Jamaludin & Abda Hamida D.Abdul Hameed. (2015). Tahap Kesiediaan Pelajar dalam Penggunaan Teknologi, Pedagogi, dan Kandungan (TPACK) dalam Pembelajaran Kurikulum di IPT. *Proceeding of the 3rd International Conference on*

Artificial Intelligence and Computer Science (AICS2015), 12 - 13
October 2015, Penang, MALAYSIA. (e-ISBN 978-967-0792-06-4).

Rozeman Abu Hassan, *Mengenali dan Mentafsir Sumber-Sumber Sejarah Selangor*: Karisma Publication Sdn. Bhd., 2004, hlm.148. (Pusat Kemajuan Dan Hubungan Alumni (Care) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).

Smith, D. J. (2012). *Best Practices for Customer Service in the 21st Century Library*. Diperoleh daripada: <http://works.bepress.com/dennisjsmith/8/>

Siti Suzana, Abdul. Rahman. (2002). *Kajian susulan graduan Sarjana Sains Maklumat dan Perpustakaan (MLIS) dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya 1997-2001/ Siti Suzana Abdul Rahman (Doctoral dissertation, University of Malaya)*.

Sarimah Othman. (2015, September 13). *Tugas pustakawan bukan sekadar merekodkan pinjaman buku*. *Bernamea Online*.

Universiti Putra Malaysia. *Sumbangan Graduan Memperkayakan Dunia dengan Penyelidikan, Pengajaran dan Pembelajaran Cemerlang*. Retrieved from <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/21346/1/scan0056.pdf>

Wang, S. L. (2012). *Development of a Service Framework for Library Users from Customer Relationship Management Perspective*. *Advances In Customer Relationship Management*, 79.

Zawiyah M. Yusof. (2010) *Peranan Perpustakaan dalam Pembangunan e-Masyarakat*.Universiti Kebangsaan Malaysia.